Tinjauan Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan global dijangka kekal berdaya tahan untuk baki tahun 2026 sebelum bertambah baik pada tahun 2027

Ekonomi global:

- Pertumbuhan global diunjurkan kekal berdaya tahan untuk baki tahun 2026 meskipun wujud ketidakpastian berhubung dengan konflik Timur Tengah dan tekanan inflasi yang lebih tinggi yang akan menjejaskan pertumbuhan.
- Pada masa hadapan, kelembapan ini akan ditampung oleh pengembangan teknologi global yang kukuh, penyesuaian yang berterusan terhadap gangguan bekalan dan sokongan dasar.
- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2027, disokong oleh pelaburan berkaitan AI yang berterusan dan pemulihan dalam pasaran tenaga global.

Perdagangan global:

- Pertumbuhan perdagangan global diunjurkan kekal menggalakkan untuk baki tahun 2026, disokong oleh permintaan berkaitan teknologi yang kukuh terutamanya terhadap komponen berkaitan AI.
- Penyesuaian berterusan terhadap gangguan bekalan dijangka menyokong aliran perdagangan, meskipun konflik Timur Tengah terus tidak menentu.
- Bagi tahun 2027, pertumbuhan perdagangan global akan kekal disokong oleh permintaan berkaitan teknologi yang berterusan dan corak perdagangan yang sedang berubah.

Imbangan risiko pertumbuhan global kekal cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan

- **Imbangan risiko kekal cenderung untuk pertumbuhan menjadi lebih perlahan,** mencerminkan terutamanya ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** juga mungkin berpunca daripada keadaan kewangan global yang lebih ketat disebabkan oleh dasar monetari yang lebih ketat, kebimbangan berhubung dengan penilaian dalam pasaran kewangan serta keadaan fiskal yang mudah terjejas.
- **Potensi pertumbuhan menjadi pesat** boleh berpunca daripada pemulihan keadaan rantaian bekalan yang lebih cepat daripada jangkaan dan perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Pertumbuhan akan didorong oleh eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

- Pertumbuhan tahun 2026 dijangka melebihi 5% berikutan momentum pertumbuhan yang kukuh pada tiga suku pertama tahun tersebut. Pada tahun 2027, pertumbuhan dijangka berkembang dalam julat 4.2% hingga 5.2%.
- Pertumbuhan eksport akan terus disokong oleh permintaan kukuh terhadap produk berkaitan teknologi berikutan peningkatan kitaran teknologi global yang dipacu AI serta prospek pendapatan perjalanan yang memberangsangkan.
- Perbelanjaan isi rumah dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pertumbuhan gaji yang stabil dan sokongan dasar yang berterusan.
- Pengembangan aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan sektor awam serta pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan.
- Langkah-langkah Belanjawan 2027 akan memberikan dorongan selanjutnya kepada kegiatan ekonomi pada tahun 2027 menerusi langkah-langkah dasar yang menyokong pendapatan isi rumah termasuk pindahan wang tunai, pengurangan kadar cukai pendapatan dan pelarasan gaji minimum, seiring dengan peruntukan pendanaan yang lebih tinggi kepada sektor strategik.

Asas-asas dalam negeri terus menyokong daya tahan ekonomi dalam menghadapi kejutan luaran

- **Ekonomi dalam negeri terus disokong oleh asas-asas yang berdaya tahan.** Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk pada ketidakpastian yang berpunca terutamanya daripada perkembangan global yang ketara.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan** termasuk konflik Timur Tengah yang berlarutan dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah.
- **Potensi prospek pertumbuhan menjadi pesat** mungkin timbul daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik daripada jangkaan, permintaan yang lebih kukuh untuk eksport berkaitan teknologi dan aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil serta langkah dasar yang berterusan

Upah agregat nominal[7] dan guna tenaga
Perubahan tahunan, %



- **Penggunaan swasta dijangka berkembang,** disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan langkah-langkah dasar.
- Pertumbuhan pendapatan akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan langkah-langkah dasar peningkatan pendapatan termasuk gaji minimum yang lebih tinggi serta pelarasan gaji minimum bagi pekerja separa mahir dan lepasan ijazah.
- Selain itu, pindahan wang tunai yang lebih tinggi menerusi inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah.
- Subsidi BUDI95 juga akan membantu mengehadkan tekanan daripada harga minyak yang lebih tinggi terhadap perbelanjaan isi rumah.

[7] Merujuk upah sektor swasta dan awam. Gaji sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Upah sektor awam pula merujuk gaji yang dibayar kepada penjawat awam.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan, disokong oleh aliran projek baharu yang stabil merentas sektor

Kelulusan Pelaburan oleh MIDA Mengikut Sektor
RM bilion



- **Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan,** dengan kelulusan pelaburan dicatatkan lebih tinggi dari bulan Jan-Sep 2026 iaitu sebanyak RM350.4 bilion, berbanding RM290.3 bilion pada tempoh yang sama tahun 2025. Sebanyak 87.4% projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 2021 hingga bulan September 2026 kini dalam pelbagai fasa pelaksanaan.
- Perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai sumber utama projek baharu dengan sebahagian besarnya tertumpu dalam subsektor berteknologi tinggi seperti ICT, E&E dan produk petroleum. Dalam subsektor ICT, pelaburan pusat data dan pengkomputeran awan kekal sebagai penyumbang utama yang mencakupi hampir 35.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada bulan Jan-Sep 2026.
- Sementara itu, sektor perkilangan terus diterajui oleh pelaburan dalam E&E serta bahan petroleum, seiring dengan pertumbuhan kukuh dalam pelaburan M&E dan perkilangan makanan.

Sumber: MIDA

Keadaan Permintaan Luaran

Prospek eksport barangan akan kekal kukuh didorong oleh permintaan teknologi global dan pelaburan AI

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan



- **Eksport E&E dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global** dan pelaburan berterusan dalam aktiviti berkaitan AI.
- Eksport perkilangan bukan E&E diunjurkan akan mendapat manfaat daripada permintaan berkaitan teknologi yang berterusan, manakala eksport berkaitan komoditi berkemungkinan disokong oleh harga komoditi yang menggalakkan.
- Walau bagaimanapun, eksport berkaitan teknologi masih terdedah kepada risiko eksport menjadi perlahan yang berpunca daripada volatiliti kewangan yang menjejaskan pelaburan berkaitan AI, sekiranya pulangan yang diharapkan tidak memenuhi jangkaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkhidmatan dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kepelbagaian asas eksport

Pertumbuhan pendapatan perkhidmatan[8]
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan



- **Prospek pendapatan perjalanan terus menggalakkan,** disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi setiap pelancong dan peningkatan ketibaan pelancong daripada pasaran sumber utama. Walau bagaimanapun, situasi geopolitik yang kembali tegang boleh menimbulkan risiko kepada aktiviti perjalanan global dan permintaan pelancongan.
- **Pertumbuhan dalam perkhidmatan lain termasuk eksport perkhidmatan ICT dijangka disokong oleh limpahan** daripada aktiviti berkaitan pusat data meskipun pertumbuhannya dijangka kekal sederhana.

[8] Perkhidmatan berkaitan pelancongan merangkumi perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan. Perkhidmatan perkilangan termasuk perkhidmatan berhubung dengan input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain serta perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan. Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan peribadi, kebudayaan, rekreasi, insurans dan kewangan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka meningkat namun kekal terkawal bagi tahun 2026 dan 2027

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana bagi baki tahun 2026. Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2027 oleh Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.5% hingga 2.5% pada tahun 2026, selaras dengan jangkaan terdahulu.
- Inflasi keseluruhan dijangka naik secara beransur-ansur menjelang akhir tahun, sebahagiannya mencerminkan kesan pindahan tertunda daripada kos input yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesan terhadap inflasi dalam negeri dijangka dikurangkan oleh langkah-langkah dasar termasuk subsidi bahan api bersasar, seiring dengan keadaan permintaan yang stabil dan langkah penyesuaian yang berterusan oleh syarikat untuk menguruskan tekanan kos.
- Melangkah ke tahun 2027, inflasi dijangka lebih tinggi pada awal tahun, mencerminkan kesan lanjutan, pindahan kos yang tertunda dan tekanan asas harga perkhidmatan.[1] Walaupun langkah-langkah dasar yang akan dilaksanakan bagi menyokong permintaan dalam negeri[2] serta keadaan cuaca buruk boleh menyumbang kepada tekanan harga, kesan terhadap inflasi dijangka kekal terkawal dalam keadaan tekanan inflasi asas yang sederhana.

[1] Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2027 oleh Kementerian Kewangan, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.8% hingga 2.8% pada tahun 2027.
[2] Sebagai contoh, pelarasan gaji minimum pada bulan Jun 2027.

Risiko terhadap prospek inflasi sebahagian besarnya kekal bergantung pada perkembangan luaran yang berubah-ubah

- Imbangan risiko terhadap prospek inflasi kekal cenderung ke arah inflasi yang lebih tinggi, bergantung terutamanya pada perkembangan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
  - **Risiko inflasi yang lebih tinggi** boleh berpunca daripada kenaikan harga komoditi berikutan keadaan geopolitik yang kembali tegang serta tekanan bekalan global yang lebih meluas, termasuk akibat gangguan berkaitan cuaca. Kemungkinan episod El Niño yang lebih buruk boleh menimbulkan risiko yang lebih tinggi pada pengeluaran makanan tempatan dan serantau serta menyumbang kepada harga yang lebih tinggi, terutamanya untuk makanan segar. Walau bagaimanapun, tahap kesiapsiagaan yang lebih baik dan langkah-langkah mitigasi boleh membantu menampung kesan keseluruhan terhadap harga pengguna. Sementara itu, kemungkinan pelarasan harga yang ditadbir, caj utiliti dan subsidi juga boleh mempengaruhi inflasi.
  - **Risiko inflasi yang lebih rendah** boleh disebabkan oleh pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan daripada jangkaan yang boleh mengurangkan permintaan dalam negeri. Penurunan harga minyak dan makanan global yang lebih pantas bersama-sama dengan keadaan bekalan yang bertambah baik juga boleh mengurangkan tekanan kos luaran.